

**PENGARUH TEKNOLOGI KOMUNIKASI TERHADAP
PERUBAHAN NORMA HIDUP MASYARAKAT LUAR
BANDAR DI DAERAH KUALA PENYU, SABAH**

JOVANESSA JOHN



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGAKUAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGARUH TEKNOLOGI KOMUNIKASI
TERHADAP PERUBAHAN NORMA HIDUP
MASYARAKAT LUAR BANDAR DI DAERAH
KUALA PENYU**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **JOVANESSA JOHN** sesi **2019/2022**, mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuatsalinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagaibahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,



JOVANESSA JOHN
BA19110567

 **ANITA BINTI ARSAD**
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(En. Syahrudin Awang Ahmad)

Tarikh: 11 Ogos 2022

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Ogos 2022



JOVANESSA JOHN

BA19110567



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : JOVANESSA JOHN

NO. MATRIK : BA19110567

TAJUK : PENGARUH TEKNOLOGI KOMUNIKASI TERHADAP PERUBAHAN
NORMA HIDUP MASYARAKAT LUAR BANDAR DI DAERAH KUALA PENYU


IJAZAH : SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

DISAHKAN OLEH:


1. PENYELIA UTAMA

Tandatangan

En. Syahrudin Awang Ahmad



2. PENYELIA BERSAMA (Jika ada)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Tuhan, kerana di atas limpah kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun sering menempuhi pelbagai halangan dan cabaran sepanjang tempoh menyiapkan tesis ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia akademik saya iaitu Dr Syahrudin Awang Ahmad kerana telah membimbing saya dalam proses penyediaan tesis ini. Segala tunjuk ajar yang telah diberikan oleh Dr sebenarnya banyak membantu saya. Tidak dilupakan juga kepada barisan pensyarah sepanjang dalam tempoh pengajian saya. Terima kasih atas kesabaran dan tunjuk ajar yang diberikan.

Terima kasih saya ucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas pengalaman dan bimbingan program yang amat memberikan sumbangan kepada penyediaan tesis saya ini. Kini saya memiliki pelbagai ilmu pengetahuan yang amat berguna dan semoga ilmu ini saya boleh aplikasikan pada dunia luar untuk menjadi insan yang penuh semangat dan berjaya dalam kehidupan.


Jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang tercinta kerana mereka telah banyak memberikan saya semangat, masa dan kewangan untuk saya meneruskan pengajian saya ini sehingga ke tahap Ijazah. Terima kasih kerana memberikan saya panduan hidup yang cukup saya perlukan dalam menghadapi pelbagai dugaan yang mencabar ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah memberikan saya perkongsian ilmu yang cukup berguna sepanjang pengajian saya. Sesungguhnya, ilmu dan kenangan yang manis inilah yang telah mendorong saya untuk kekal maju ke hadapan bagi mencapai cita-cita saya.

Akhir kata, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan saya sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga kajian ini dapat memberikan ilmu yang berguna kepada pembaca dan generasi akan datang.

ABSTRAK


Kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan norma hidup masyarakat luar bandar di daerah Kuala Penyu, Sabah. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian deskriptif iaitu menggunakan kekerapan, skor min, sisihan piawai dan peratusan dalam penghuraian analisis dapatan kajian. Instrumen kajian yang telah dipilih adalah menggunakan borang soal selidik yang akan diedarkan menggunakan Google Forms. Saiz sampel kajian ini adalah sebanyak 341 orang responden. Kajian rintis telah dijalankan menggunakan 30 orang responden dan hasil keputusan nilai pekali alpha Cronbach adalah 0.81. Ujian Kenormalan menunjukkan data bagi soalan-soalan yang dikemukakan adalah bertabur secara normal. Borang soal selidik dibahagikan kepada empat (4) bahagian utama iaitu (A) demografi responden, (B) tahap pengetahuan masyarakat luar bandar, (C) perubahan norma hidup, dan (D) kesan pengaruh teknologi komunikasi. Kajian ini mempunyai tiga (3) pemboleh ubah utama iaitu tahap pengetahuan, perubahan norma hidup dan kesan. Hubungan antara dua pemboleh ubah dianalisis menggunakan analisis Kolerasi Pearson. Pengiraan data dalam kajian ini dikira menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 26.0.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

This study aims to examine the influence of communication technology on changes in the living norms of rural communities in the Kuala Penyu district, Sabah. The research design used is in the form of a descriptive study which uses frequency, mean score, standard deviation and percentage in the analysis of the study findings. The research instrument that has been selected is using a questionnaire that will be revealed using Google Forms. The sample size of this study is 341 respondents. A pilot study was conducted using 30 respondents and the result of the Cronbach's alpha coefficient value was 0.81. The Normality Test shows that the data for the questions presented is normal. The questionnaire is divided into four (4) main sections, namely (A) demographics of the respondents, (B) the level of knowledge of rural communities, (C) changes in living norms, and (D) the impact of communication technology. This study has three (3) main variables which are the level of knowledge, changes in living norms and effects. The relationship between two variables was analyzed using Pearson's Correlation analysis. Data calculations in this study were calculated using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 26.0.



SENARAI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Halaman Judul	I
Perakuan Keaslian Penulisan	II
Pengakuan	III
pengesahan	IV
Penghargaan	V
Abstrak	VI
BAB 1	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Signifikan Kajian	5
BAB 2	
2.1 Pengenalan	6
2.2 Sejarah Perkembangan Teori	6
2.3 Tinjauan Kajian Lepas	7
2.3.1 Tema 1: Tahap Pengetahuan	7
Masyarakat Luar Bandar Terhadap Teknologi Komunikasi	
2.3.2 Tema 2: Perubahan norma hidup masyarakat luar bandar daripada pengaruh teknologi komunikasi yang melibatkan skop ekonomi, pendidikan, dan sosial	8
2.3.3 Tema 3: Kesan pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan norma hidup masyarakat luar bandar	9
2.4 Model Kajian	10
2.5 Pengkonsepkan	11

2.5.1	Pengaruh	11
2.5.2	Teknologi	11
2.5.3	Komunikasi	12
2.5.4	Norma Hidup	12
2.5.5	Masyarakat	13
2.5.6	Luar Bandar	13
2.6	Kesimpulan	14

BAB 3

3.1	Pengenalan	15
3.2	Reka Bentuk Kajian	15
3.3	Instrumen Kajian	16
3.3.1	Bahagian A: Demografi Responden	16
3.3.2	Bahagian B: Tahap Pengetahuan	16
3.3.3	Bahagian C: Perubahan Norma Hidup	17
3.3.4	Bahagian D: Kesan	17
3.3	Populasi dan Sampel	17
3.4	Tatacara Pengumpulan Data Untuk Kerja Lapangan	18
3.5	Kebolehpercayaan Dan Kesahihan	19
3.5.1	Kajian Rintis	20
3.5.2	Ujian Kenormalan	21
3.5.3	Interpretasi Skor Min	22
3.6	Kolerasi Pearson	22
3.7	Kesimpulan	23

BAB 4

4.1	Pengenalan	24
4.2	Statistik Demografi Responden	24
4.1.1	Analisis Jantina Responden	25
4.1.2	Analisis Umur Responden	25
4.1.3	Analisis Pekerjaan Responden	26
4.1.4	Analisis Tahap Pendidikan Responden	27
4.2	Analisis Tiga Pemboleh Ubah	27

4.3	Statistik Tahap Pengetahuan Masyarakat Luar Bandar Terhadap Teknologi Komunikasi	28
4.3.1	Analisis Penggunaan Teknologi Komunikasi dalam Kehidupan Harian Masyarakat Luar Bandar	30
4.3.2	Analisis Jenis Teknologi Komunikasi yang Digunakan dalam Kehidupan Harian Masyarakat Luar Bandar	31
4.3.3	Analisis Jenis Aplikasi Teknologi Komunikasi yang Digunakan dalam Kehidupan Harian Masyarakat Luar Bandar untuk Berinteraksi	32
4.3.4	Analisis Faktor Pemilihan Aplikasi Teknologi Komunikasi	34
4.3.5	Analisis Tahap Pengetahuan Masyarakat Luar Bandar Mengenai Teknologi Komunikasi Sebagai Medium Mendapatkan Maklumat	35
4.3.6	Analisis Tahap Pengetahuan Masyarakat Luar Bandar Mengenai Teknologi Komunikasi Sebagai Medium Meningkatkan Pendapatan	36
4.3.7	Analisis Penggunaan Teknologi Komunikasi Berdasarkan Situasi	37
4.4	Statistik Perubahan Norma Hidup Masyarakat Luar Bandar Terhadap Teknologi Komunikasi	38
4.4.1	Analisis Teknologi Komunikasi Membuka Peluang Perniagaan Yang Baru	40
4.4.2	Analisis Teknologi Komunikasi Membuka Peluang Pekerjaan Yang Baru	41
4.4.3	Analisis Teknologi Komunikasi Memastikan Masyarakat Tidak Ketinggalan	42

Untuk Mendapatkan Maklumat Yang Terkini.	
4.4.4 Analisis Teknologi Komunikasi	
Memudahkan Kehidupan Masyarakat Luar Bandar	
4.4.5 Analisis Teknologi Komunikasi	44
Membolehkan Masyarakat Melakukan Aktiviti dan Bekerja Dari Rumah	
4.4.6 Analisis Teknologi Komunikasi	45
Menyebabkan Masyarakat Kurang Melakukan Aktiviti Fizikal	
4.4.7 Analisis Teknologi Komunikasi	46
Menyebabkan Masyarakat Suka Membeli Barangan Secara Atas Talian	
4.5 Statistik Kesan Norma Hidup Masyarakat Luar Bandar Terhadap Teknologi Komunikasi	47
4.5.1 Analisis Teknologi Komunikasi	49
Membantu Meringankan Beban	
4.5.2 Analisis Teknologi Komunikasi	50
Mengubah Cara Berkomunikasi	
4.5.3 Analisis Teknologi Komunikasi	51
Mengeratkan Hubungan Masyarakat	
4.5.4 Analisis Teknologi Komunikasi	52
Menambah Ilmu Pengetahuan	
4.5.5 Analisis Teknologi Komunikasi	53
Menyebarkan Maklumat	
4.5.6 Analisis Teknologi Komunikasi	54
Menonjolkan Kebolehan Diri	
4.5.7 Analisis Teknologi Komunikasi	55
Menyebabkan Bangun Lewat	
4.5.8 Analisis Teknologi Komunikasi	56
Menyebabkan Pengabaian Produktiviti Kerja	
4.5.9 Analisis Teknologi Komunikasi	57

Menyebabkan Sikap Leka dan Kurang Prihatin	
4.6 Analisis Kolerasi Pearson	58
4.7 Kesimpulan	59
BAB 5	
5.1 Pengenalan	60
5.2 Perbincangan Penemuan	60
5.2.1 Tahap Pengetahuan Masyarakat Luar Bandar di Kuala Penyu Terhadap Teknologi Komunikasi	60
5.2.2 Perubahan Norma Hidup Masyarakat Luar Bandar di Kuala Penyu Terhadap Teknologi Komunikasi	62
5.2.3 Kesan Pengaruh Teknologi Komunikasi Terhadap Norma Hidup Masyarakat Luar Bandar di Kuala Penyu	63
5.3 Batasan Kajian	64
5.4 Cadangan Kajian Masa Akan Datang	65
5.4.1 Memberikan pendedahan mengenai kebaikan dan keburukan teknologi komunikasi kepada kehidupan dan norma hidup masyarakat.	65
5.4.2 Mendidik anak-anak untuk sentiasa berdisiplin dalam penggunaan teknologi komunikasi agar tidak memudaratkan diri mereka pada masa akan datang.	65
5.4.3 Mengubah persepsi masyarakat luar bandar akan kebaikan teknologi komunikasi sebagai medium pencarian pendapatan hidup.	66
5.5 Kesimpulan	66
Rujukan	68
Lampiran	71

BAB 1

1.1 Pengenalan

Proses globalisasi mendorong kepada perkembangan teknologi komunikasi yang pesat dan membawa kepada pelbagai perubahan yang bukan sahaja khusus terhadap organisasi malah turut memberikan impak yang besar terhadap masyarakat dunia (Ahlam, 2016). Globalisasi merupakan suatu proses peningkatan jaringan dan saling kebergantungan antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain (Anderson et al., 2013; Sohana, 2016). Era globalisasi telah memperlihatkan bahawa negara-negara di dunia ini tidak lagi dilihat sebagai satu entiti yang berasingan, malah globalisasi telah mengubah cara hidup manusia untuk saling berhubung dalam menjalankan aktiviti seperti perniagaan, pendidikan, hiburan dan pertukaran teknologi (Sohana, 2016).

Teknologi merupakan istilah yang berasal daripada dua gabungan perkataan iaitu *techne* dan *logos*. Istilah *techne* berasal daripada Bahasa Yunani yang bermaksud seni, manakala perkataan *logos* pula membawa maksud wacana atau kajian yang sistematik (Jasimah, 2017). Teknologi bukan sahaja meringankan beban manusia, malah teknologi telah membantu dalam mengubah cara manusia berkomunikasi antara satu sama lain. Perkataan komunikasi berasal daripada Bahasa Latin iaitu *communicare* yang membawa maksud biasa atau perkongsian (Natashadora, 2013). Definisi tersebut menyatakan bahawa jika tidak terdapat sebarang kefahaman biasa atau asas dalam suatu komunikasi, maka komunikasi tersebut adalah tidak berjaya (Lunenbergh, 2010). Komunikasi merupakan suatu proses yang menghubungkan satu bahagian ke bahagian lain di dunia ini (Reush, 1957; Natashadora, 2013). Hal ini dikatakan sedemikian kerana komunikasi membantu manusia untuk mengetahui mesej, maklumat atau peristiwa yang berlaku di seluruh dunia.

Dalam meniti arus pemodenan, teknologi merupakan medium yang penting dalam masyarakat dunia. Perubahan bentuk komunikasi iaitu daripada komunikasi yang sederhana kepada komunikasi elektronik telah dikatakan sebagai revolusi komunikasi (Zamroni, 2009: 195). Revolusi komunikasi pula merupakan peledakan kepada teknologi komunikasi (Zamroni, 2009: 197). Teknologi komunikasi merupakan peralatan berteknologi yang terdiri daripada alatan, perisian, proses dan sistem yang digunakan untuk membantu menjalankan suatu proses komunikasi (Munir, 2008; Idros, 2017). Selain itu, teknologi komunikasi adalah pertukaran maklumat dalam kalangan manusia atau mesin dengan menggunakan peralatan berteknologi seperti telefon pintar, satelit, video, televisyen dan komputer.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian ini dilakukan untuk melihat tahap pengetahuan masyarakat luar bandar di Kuala Penyu terhadap teknologi komunikasi. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti perubahan norma hidup masyarakat luar bandar di Kuala Penyu yang melibatkan skop sosial, ekonomi dan pendidikan. Tambahan lagi, kajian ini akan menjelaskan kesan pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan norma hidup masyarakat luar bandar.

Kuala penyu merupakan daerah di Pedalaman Bawah Sabah dan terletak kira-kira 130 Km dari Kota Kinabalu (Nazllie, 2015). Nama Kuala Penyu ini adalah berdasarkan legenda batu yang berbentuk seperti seekor penyu yang terbenam di Kuala Sungai Tasik Sitompok.

Perkembangan dalam bidang teknologi telah mengubah cara hidup dan budaya manusia pada masa kini. Kajian-kajian lepas menunjukkan perkembangan teknologi dapat memberikan kesan yang signifikan untuk menyokong kehidupan manusia (Azlizan, 2017). Perkembangan teknologi tersebut tercetus daripada hasil usaha manusia meneroka, mencipta, mengeksploitasi, menginovasi dan menghasilkan idea yang abstrak untuk peralatan atau sistem yang dapat meningkatkan keselesaan dan taraf hidup manusia. Bentuk komunikasi manusia

sering mengalami perubahan seiring dengan perkembangan teknologi yang berbentuk struktural dan teknikal iaitu suatu bentuk komunikasi yang lebih spesifik seperti secara lisan, tulisan, percetakan dan telekomunikasi (Van Dijk, 2006; Idros, 2017). Perkembangan teknologi komunikasi membolehkan manusia mencapai pelbagai kemajuan terutamanya dalam bidang ekonomi, pendidikan, dan sosial.

Namun secara realitinya, tidak kesemua penduduk di Malaysia merasai kemudahan dan manfaat daripada perkembangan teknologi komunikasi. Hal ini kerana terdapat segelintir kawasan penempatan tidak memperoleh kemudahan untuk mengakses internet, kemunduran dari segi infrastruktur, dan taraf kehidupan yang rendah. Namun demikian, jurang teknologi komunikasi ini biasanya wujud di kawasan yang memiliki keadaan geografi yang berbukit-bakau serta di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah. Istilah luar bandar sering dikaitkan dengan kawasan yang kecil, bilangan penduduk yang sedikit, mempunyai masalah ekonomi, kawasan yang kekurangan infrastruktur dan tidak memberikan sebarang keuntungan kepada sesebuah organisasi (Hasan et al., 2007; Venkatachalam et al., 2002; Siti Masayu, 2014). Walaupun isu kemiskinan turut terdapat di kawasan bandar, namun kawasan luar bandar masih dipilih sebagai topik dalam sebarang perbincangan yang berkait rapat dengan taraf hidup manusia (Siti Masayu, 2014).

Akibatnya, pihak kerajaan dan swasta telah menyediakan beberapa kemudahan infrastruktur untuk masyarakat di luar bandar memperoleh kemudahan teknologi komunikasi yang sama seperti di kawasan bandar. Sebagai contoh, kerajaan telah menyediakan liputan berkelajuan tinggi komprehensif dan jaringan digital yang berkualiti di seluruh kawasan Malaysia termasuk di kawasan luar bandar (Berita Harian, 2019). Oleh hal yang demikian, teknologi komunikasi telah mula mempengaruhi perubahan norma hidup masyarakat di luar bandar.

1.3 Objektif Kajian

Secara khusus, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif yang berikut :

- 1.3.1 Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat luar bandar di Kuala Penyu terhadap teknologi komunikasi.
- 1.3.2 Untuk mengenal pasti perubahan norma hidup masyarakat luar bandar di Kuala Penyu yang melibatkan skop ekonomi, pendidikan, dan sosial.
- 1.3.3 Untuk menjelaskan kesan pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan norma hidup masyarakat luar bandar.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif yang dinyatakan, kajian ini menjawab soalan-soalan berikut :

- 1.4.1 Apakah tahap pengetahuan masyarakat luar bandar di Kuala Penyu terhadap teknologi komunikasi?
- 1.4.2 Apakah perubahan norma hidup masyarakat luar bandar di Kuala Penyu yang melibatkan skop ekonomi, pendidikan, dan sosial setelah menerima pengaruh daripada teknologi komunikasi?
- 1.4.3 Apakah kesan teknologi komunikasi yang mempengaruhi perubahan terhadap norma hidup masyarakat luar bandar?

1.5 Skop Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menetapkan beberapa skop kajian. Pertamanya, responden dalam kajian ini hanya terdiri daripada masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar. Kawasan yang telah ditetapkan adalah di daerah Kuala Penyu, Sabah. Pengkaji memilih lokasi tersebut kerana daerah Kuala Penyu merupakan salah satu daerah di Bahagian Pedalaman, Sabah (Pejabat Daerah Kuala Penyu, 2014). Kedua, kajian ini membataskan perubahan norma hidup masyarakat di luar bandar dalam skop ekonomi, pendidikan, dan sosial. Skop ini ditetapkan sedemikian kerana ia sejajar dengan aspek perkembangan teknologi komunikasi. Ketiga, skop kajian ini menetapkan kajian dan hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan bidang teknologi dan komunikasi.

1.6 Signifikan Kajian

Pada masa kini, perkembangan teknologi komunikasi di Malaysia semakin pesat membangun. Namun demikian, perkembangan teknologi ini masih tidak boleh dinikmati oleh seluruh penduduk di Malaysia terutamanya masyarakat di kawasan luar bandar. Justeru, kajian ini sangat penting untuk mengkaji kemajuan dan kemunduran teknologi komunikasi khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar di daerah Kuala Penyu.

Masalah kemiskinan bukan isu yang baru dalam sejarah Sabah (Kasim, 2008). Kadar kemiskinan tersebut banyak tertumpu di kawasan luar bandar. Jurang pendapatan dan kualiti hidup antara masyarakat bandar dan luar bandar di Sabah adalah semakin berleluasa (Kasim, 2008: 583). Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk membantu pihak-pihak tertentu merangka dasar-dasar awam bagi membantu menaikkan taraf hidup masyarakat di kawasan luar bandar khususnya di negeri Sabah.

Selain itu, kajian ini penting untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap pengaruh teknologi komunikasi terhadap norma hidup masyarakat luar bandar. Oleh itu, kajian akan mendedahkan aspek-aspek perubahan yang dialami oleh masyarakat luar bandar dalam skop ekonomi, pendidikan, dan sosial.

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi suatu pengajaran dan ilmu yang baharu kepada pengkaji, pihak institusi, masyarakat, dan pihak-pihak yang berkaitan dalam mengetahui pengaruh yang telah diberikan oleh teknologi komunikasi terhadap norma hidup masyarakat luar bandar.

Tambahan lagi, hasil kajian ini adalah untuk memberikan manfaat dan ilmu pengetahuan kepada pengkaji lain yang mempunyai hasrat untuk meneruskan kajian seperti ini. Kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dan sumber rujukan kepada pengkaji yang ingin membuat penyelidikan berkenaan pada masa hadapan.

BAB 2

2.1 Pengenalan

Bahagian ini tertumpu kepada sintesis kajian lepas mengenai tahap pengetahuan masyarakat luar bandar terhadap teknologi komunikasi, perubahan norma hidup masyarakat luar bandar daripada pengaruh teknologi komunikasi yang melibatkan skop ekonomi, pendidikan dan sosial, serta kesan pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan norma hidup masyarakat luar bandar.

2.2 Sejarah Perkembangan Teori

Menurut Azis (2003), teori membantu membekalkan perspektif yang akan membantu pengkaji memahami dan menjelaskan suatu fenomena yang kompleks. Penyelidikan yang bertajuk "Pengaruh Teknologi Komunikasi Terhadap Norma Hidup Masyarakat Luar Bandar di Daerah Kuala Penyu" ini menggunakan Teori Task-Technology Fit.

Menurut Kurniabudi dan Setiawan Assegaf (2018), Teori Task-Technology Fit merupakan teori yang telah dikembangkan oleh Goodhue dan Thompson pada tahun 1995. Teori Task-Technology Fit ditakrifkan sebagai sebuah tahap di mana suatu sistem itu sepadan dengan minat, kesesuaian (fits) dengan tugas (task), dan memenuhi keperluan (Osama et al., 2017; Lin dan Wang, 2012). Teori Task-Technology Fit juga ditakrifkan sebagai tahap di mana teknologi membantu pengguna dalam melaksanakan sebarang kerja dan memenuhi keperluan (Osama et al., 2017; Lu dan Yang, 2014).

Teori ini biasanya akan digunakan untuk menyediakan konsep asas mengenai instrumen-instrumen yang akan digunakan untuk menilai sistem komunikasi, teknologi maklumat, perkhidmatan yang diberikan dan penggunaan terhadap maklumat organisasi yang telah direkodkan dalam penentuan suatu sistem pengurusan (Idros et al., 2017; Goodhue, 1998).

Dalam konteks penggunaan teknologi dalam organisasi, penggunaan sebenar dan tahap kepuasan pengguna adalah tidak mencukupi untuk memberikan gambaran yang penuh mengenai kesesuaian teknologi dalam suatu tugas (Osama et al., Goodhue dan Thompson, 1995).

2.3 Tinjauan Kajian Lepas

2.3.1 Tema 1: Tahap pengetahuan masyarakat luar bandar terhadap teknologi komunikasi

Dalam teknologi komunikasi, terdapat beberapa unsur penting yang mempengaruhi pemahaman masyarakat mengenai ilmu pengetahuan dan teknologi. Menurut Reiza (2008), terdapat tiga unsur utama yang akan mempengaruhi pandangan dan pemahaman masyarakat terhadap teknologi. Antaranya, unsur minat digunakan untuk mengukur hubungan antara masyarakat dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Minat masyarakat untuk meneroka konsep teknologi komunikasi boleh mewujudkan suatu asas bagi sikap dan perlakuan mereka terhadap penggunaan teknologi komunikasi.

Seterusnya, unsur pengetahuan dapat membantu mengukur tahap pemahaman masyarakat terhadap ilmu pengetahuan dan teknologi. Semakin banyak pendedahan yang diberikan kepada masyarakat mengenai teknologi komunikasi, maka masyarakat akan lebih mahir dan tahu menggunakan teknologi dengan lebih terperinci. Unsur yang terakhir adalah tingkah laku iaitu unsur yang berkait rapat dengan tingkah laku masyarakat apabila mereka menerima ilmu pengetahuan dan maklumat mengenai teknologi komunikasi. Unsur ini juga mementingkan persepsi masyarakat mengenai perkembangan teknologi dalam era globalisasi ini (Pemahaman Masyarakat Terhadap Komunikasi Ilmu Pengetahuan dan Teknologi, 2008).

Sebagai rumusan, unsur tersebut dapat membantu untuk menjelaskan bagaimana pengkaji boleh menilai tahap pengetahuan masyarakat luar bandar terhadap pengaruh teknologi komunikasi dalam norma hidup mereka.

2.3.2 Tema 2: Perubahan norma hidup masyarakat luar bandar daripada pengaruh teknologi komunikasi yang melibatkan skop ekonomi, pendidikan, dan sosial

Berdasarkan Perkembangan Teknologi Komunikasi dan Dampaknya Terhadap Kehidupan (2009), ekonomi menerangkan perkembangan teknologi telah mendorong masyarakat dunia untuk memasuki era pasca-industri iaitu era lanjutan yang terhasil daripada era pra-industri dan masyarakat industri. Perbezaan utama masyarakat pasca-industri dapat dilihat apabila masyarakat tersebut mula menggunakan gabungan antara telekomunikasi dan sistem komputer dalam aktiviti ekonomi dan industri.

Menurut Mokmin (2004) pula, perubahan yang dipengaruhi oleh teknologi komunikasi berlaku dari sudut kaedah untuk mendapatkan ilmu, sumber ilmu, dan matlamat ilmu sehingga persepsi asal usul manusia dan alam. Penggunaan komputer dan pendidikan tidak lagi terhad kepada mana-mana lapisan masyarakat malah seluruh masyarakat mempunyai kebebasan dalam memanfaatkan teknologi komunikasi untuk menimba ilmu pengetahuan.

Teknologi komunikasi merupakan aplikasi maklumat yang digunakan oleh manusia dalam menjalankan proses perpindahan maklumat dan mesej dengan tujuan untuk menyelesaikan suatu permasalahan yang timbul dalam kehidupan sosial manusia. Perkembangan teknologi telah menyebabkan interaksi antara manusia mampu menjangkau lapisan masyarakat di seluruh dunia. Tambahan lagi, perkembangan teknologi telah melahirkan masyarakat digital sehingga menyebabkan berlaku perubahan pola hidup manusia (Mokmin, 2004).

Sebagai rumusan, sorotan kajian lepas tersebut membantu pengkaji mendapat gambaran awal mengenai perubahan-perubahan norma hidup yang dialami oleh masyarakat luar bandar setelah mendapat pengaruh daripada teknologi komunikasi.

2.3.3 Tema 3: Kesan pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan norma hidup masyarakat luar bandar

Menurut Mansi (2013), antara kesan pengaruh teknologi maklumat terhadap perubahan hidup manusia adalah kemajuan dalam sistem pendidikan. E-pembelajaran merupakan pembelajaran secara elektronik di mana pelajar akan menggunakan komputer untuk mempelajari kemahiran, ilmu pengetahuan dan proses pembelajaran yang baru. Pelajar juga dapat menggunakan pelbagai platform pembelajaran seperti melihat video, gambar, mendengar audio dan membaca artikel yang mudah dijumpai di internet berbanding di perpustakaan. Namun demikian, teknologi juga membawa satu set cabaran dan tekanan yang baru kepada institusi pendidikan (Scherer et al., 2018; Romeo et al., 2013).

Menurut Sharipah (2017), teknologi komunikasi membantu memudahkan proses komunikasi antara masyarakat tanpa batasan. Setiap masyarakat dapat berhubung dengan ahli keluarga, rakan, pelanggan dan sebagainya walau pada jarak yang jauh. Kewujudan teknologi komunikasi seperti telefon pintar, komputer, tablet, televisyen dan talian internet secara tidak langsung akan menyebabkan komunikasi antara masyarakat akan terus berkembang untuk menyampaikan suatu maklumat.

Berdasarkan aspek rangkaian sosial pula, terdapat pelbagai rangkaian sosial seperti Facebook, Whatsapp, Twitter, Instagram dan Telegram dapat membantu manusia untuk kekal berhubung dengan kenalan yang lama dan juga kenalan yang baru. Rangkaian sosial ini turut memberikan faedah kepada masyarakat untuk berhubung dengan masyarakat di seluruh dunia ini (Mansi, 2013). Pembelian secara atas talian membenarkan pengguna untuk membuat transaksi dan pemindahan dana secara atas talian. Aplikasi atas talian memberikan banyak manfaat kepada pengguna. Antara manfaat tersebut adalah pengguna boleh membandingkan harga bagi produk yang sama tetapi kedai yang berbeza. Teknologi ini sekali gus membantu masyarakat untuk menjana pendapatan secara atas talian.

Sebagai rumusan, teknologi telah mempengaruhi kehidupan manusia dengan menyediakan perkhidmatan pertukaran maklumat pada masa yang cepat dan tepat melalui pelbagai media. Berdasarkan sorotan kajian lepas, para pelajar boleh berkomunikasi dengan rakan-rakan yang lain untuk saling berkongsi pendapat dan ilmu pengetahuan yang baharu. Melalui teknologi komunikasi, masyarakat luar bandar juga akan dapat berkomunikasi dengan keluarga, sahabat dan saudara yang tinggal berjauhan daripada mereka. Pembelian atas talian juga sebenarnya dapat menjimatkan kos hidup masyarakat luar bandar kerana mereka tidak perlu menghabiskan wang untuk membeli minyak kereta atau tambang untuk membeli barang keperluan di bandar. Malah, aplikasi pembelian atas talian akan menyediakan perkhidmatan penghantaran barang sehingga ke depan rumah.

2.4 Model Kajian

Teori yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah Teori Task-Technology Fit. Teori ini dipilih untuk digunakan dalam penyelidikan ini kerana ia sesuai dijadikan sebagai cara untuk memerhati bagaimana seseorang memproses maklumat dengan jelas setelah mereka mengesahkan sebab maklumat diproses dan bagaimana alat atau sistem dalam teknologi dapat membantu melaksanakan suatu tugas atau pekerjaan manusia (Idros et al., 2017). Selain itu, teori ini juga akan membantu pengkaji untuk meramalkan penggunaan dan hasil yang berkait rapat dengan teknologi yang telah direka khas untuk menyelesaikan suatu tugas.

Pemboleh ubah bebas merupakan pemboleh ubah yang akan mempengaruhi pemboleh ubah yang lain. Faktor yang diperoleh daripada pemboleh ubah bebas ini boleh diukur, dimanipulasi, atau ditentukan oleh pengkaji bagi menentukan hubungannya dengan petanda atau elemen lain yang diperhatikan. Berdasarkan kajian ini, pemboleh ubah bebas dalam Teori Task-Technology Fit ini adalah teknologi, pengetahuan, perubahan dan kesan.

Pemboleh ubah bersandar pula merupakan tindak balas atau respon kepada pemboleh ubah bebas. Berdasarkan kajian ini, elemen tahap pengetahuan

masyarakat terhadap teknologi akan digunakan untuk mewakili aspek perubahan norma hidup masyarakat di daerah Kuala Penyu. Tahap pengetahuan masyarakat di daerah Kuala Penyu mengenai teknologi komunikasi adalah faktor yang sangat penting dalam kajian ini kerana respon dan jawapan daripada responden yang disoal selidik ini akan menjadi penentu terhadap perubahan norma hidup yang telah berlaku di daerah tersebut.

2.5 Pengkonsepan

2.5.1 Pengaruh

Pengaruh merupakan suatu daya yang terhasil daripada individu, benda dan sebagainya yang mempengaruhi persekitaran (Widyatama, 2013; Yosin, 2012). Manakala, Surakhmad (2012) pula, berpendapat bahawa pengaruh merupakan kekuatan yang terhasil daripada sesuatu benda, individu atau gejala yang memberikan perubahan yang membentuk kepada suatu kepercayaan dan perubahan dari segi sifat, pemikiran serta tingkah laku. Menurut Iman (2013), pengaruh lebih mendorong kepada sesuatu yang dapat membawa kepada perubahan yang bukan sahaja kepada individu, malah turut memberikan perubahan kepada persekitarannya. Apabila pengaruh yang diterima oleh individu tersebut adalah ke arah positif, maka individu tersebut akan menjadi lebih baik dan memiliki tujuan hidup yang lebih jelas.

2.5.2 Teknologi

Menurut Salomon (1984), teknologi merupakan nama lain bagi perkataan Yunani iaitu *techne* yang membawa maksud seni atau kraf. Menurut Jasimah dan Osman (2017) pula, istilah teknologi berasal daripada gabungan dua perkataan iaitu *techne* dan *logos*, iaitu *techne* membawa maksud seni dan kraf. Manakala, *logos* pula membawa maksud wacana atau kajian yang sistematik. Terdapat pelbagai perbezaan yang dapat dilihat melalui maksud yang dibawa daripada perkataan teknologi daripada persepsi pelbagai ahli falsafah. Hal ini dapat dilihat apabila Mesthere (1970) menyatakan bahawa teknologi ini merupakan suatu himpunan ilmu pengetahuan yang tersusun, berkaitan dan berperanan sebagai alat bagi

mencapai suatu matlamat yang telah dirancang. Manakala Singer et al. (1954) pula, menyatakan bahawa teknologi ini sebagai suatu alat yang dibuat atau dicipta. Perubahan dalam teknologi telah menjadi perkara utama dalam memacu persaingan dan membawa kepada pelbagai perubahan seperti perubahan dari segi struktur industri dan penciptaan industri yang baharu. Kewujudan teknologi juga telah mencetuskan kelebihan dalam daya saing yang hebat dalam kalangan masyarakat kini.

2.5.3 Komunikasi

Menurut Amir dan Ahmad (2009), komunikasi adalah suatu proses interaksi antara satu pihak kepada pihak yang lain dan bertujuan untuk menjalankan suatu hubungan dan saling bertukar maklumat. Dunia komunikasi dipercayai dikelilingi dengan persekitaran yang saling memberikan maklumat antara satu sama yang lain (Amir dan Ahmad, 2009). Komunikasi yang berkesan akan tercapai apabila individu memperoleh kehendak mereka hasil daripada proses komunikasi, memahami sudut pandangan yang berkaitan, dan pihak yang terlibat mampu menerima pandangan tersebut dengan baik. Aktiviti seperti membaca, menulis, mendengar, menonton dan bercakap merupakan aktiviti yang sering dilakukan oleh manusia yang menjalankan proses komunikasi. Shahnnon dan Weaver (1949), menerangkan bahawa prinsip komunikasi digunakan dengan maksud yang lebih terbuka iaitu untuk melibatkan semua prosedur di mana suatu pemikiran boleh mempengaruhi pemikiran dan minda individu yang lain (Amir dan Ahmad, 2009).

2.5.4 Norma Hidup

Menurut Cole (2018), norma merupakan peraturan yang mempengaruhi dan membentuk pemikiran serta tingkah laku dalam kalangan masyarakat atau kumpulan. Oleh itu, norma hidup adalah peraturan yang memberikan panduan kepada masyarakat atau suatu kumpulan mengenai tingkah laku mereka yang melibatkan perkara yang patut dan tidak patut dilakukan dalam aktiviti harian mereka. Norma juga boleh dikaitkan dengan gaya di mana ia akan mempengaruhi budaya sesebuah masyarakat.